

3 hakim dipertimbang PM isi jawatan Peguam Negara

BH - 22/12/2022 mld:5

Kuala Lumpur: Tiga hakim yang sedang berkhidmat dikhabarkan akan dipertimbangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk dilantik sebagai Peguam Negara yang baharu.

Portal FMT yang memetik sumber berkata, mereka ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah, selain dua Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Yaacob Md Sam dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil.

Sumber berkata, ketiga-tiga hakim itu mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berkenaan memandangkan mereka mempunyai pengalaman mengendalikan kes jenayah dan sivil, selain ketika berkhidmat dalam badan kehakiman dan perundangan.

“Berpengalaman dan berpengetahuan dalam undang-undang jenayah dan sivil penting kerana Peguam Negara adalah ketua penasihat undang-undang kepada kerajaan.

“Peguam Negara juga adalah pendakwa raya seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tatacara Jenayah,” katanya.

Sebelum ini, Allahyarham Mohtar Abdullah, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Peguam Negara ketika ini, Tan Sri Idrus Harun juga adalah bekas hakim yang dilantik menjawat jawatan itu.

Ketika ini, Mohamad Zabidin menjawat jawatan pemangku Hakim Besar Malaya susulan kekosongan selepas persaraan Tan Sri Azahar Mohamed, dua bulan lalu.

Beliau pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 2004, sebelum menjadi Hakim Mahkamah Tinggi pada 2006, kemudian dinaikkan pangkat menjadi Hakim Mahkamah Rayuan pada 2018 dan diangkat sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan awal tahun ini.

Kelayakan, pengalaman

Sementara itu, Yaacob dan Abdul Karim ketika ini adalah Hakim Kanan di Mahkamah Rayuan.

Yaacob dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 2009 dan menjadi Hakim Mahkamah Rayuan setahun selepas itu, kemudian menjadi Hakim Mahkamah Rayuan pada 2017.

Abdul Karim pula dilantik Pesuruhjaya Kehakiman pada 2012 sebelum memikul tanggungjawab sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 2014 dan Hakim Mahkamah Rayuan pada 2016.

Menurut sumber, jawatan Idrus dijadual berakhir Mac depan dan difahamkan, beliau sedia melepaskan jawatan itu lebih awal sekiranya Anwar sudah mengenal pasti pengganti bersesuaian.

Perkara 145 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seseorang yang layak bagi menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan untuk menjadi Peguam Negara.

Mengikut Perkara 123 Perlembagaan, individu itu mestilah seorang warga negara dan mempunyai pengalaman selama 10 tahun berkhidmat sebagai peguam bela mana-mana Mahkamah Tinggi atau mempunyai perkhidmatan kehakiman dan perundangan sama ada pada peringkat Persekutuan mahupun negeri layak dilantik sebagai Peguam Negara.



Mohamad Zabidin



Yaacob Md Sam



Abdul Karim Abdul Jalil

Ibadat & Fadilat

Abdullah bin Mas'ud ra. berkata, “Telah bersabda Rasulullah saw: Tidak boleh iri hati kecuali dalam dua hal: seseorang yang diberi oleh Allah ta'ala harta kekayaan maka dipergunakan untuk mempertahankan Al-Haqq (kebenaran), dan seseorang yang diberi oleh Allah hikmat/ilmu, maka ia mempergunakan dan mengajarkannya.” (HR. Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:10	1:19	4:40	7:11	8:26
Alor Setar	6:11	1:20	4:40	7:11	8:26
P. Pinang	6:09	1:19	4:41	7:13	8:28
Ipoh	6:05	1:17	4:40	7:12	8:27
Kuala Lumpur	6:01	1:14	4:37	7:11	8:26
Shah Alam	6:01	1:14	4:37	7:11	8:26
Johor Bahru	5:54	1:10	4:33	7:09	8:24
Kuantan	5:54	1:09	4:32	7:06	8:21
Seremban	5:58	1:13	4:37	7:11	8:26
Bandar Melaka	5:57	1:12	4:35	7:10	8:25
Kota Bharu	6:03	1:12	4:33	7:04	8:15
K. Terengganu	5:58	1:08	4:30	7:02	8:16
Kota Kinabalu	5:07	12:18	3:39	6:11	7:26
Kuching	5:24	12:41	4:05	6:40	7:55